

## Suami di penjara, wanita kuatkan semangat demi anak

► **HUB ADILAH MUHAMMAD**  
 a141an@spg.com.sg

DENGAN suaminya yang berada di penjara, Cik Sasha (bukan nama sebenar) berazam menyojokkan semangat yang kuat demi empat anaknya.

Ibu empat orang anak itu tidak ingin melihat keadaan itu menjejaskan kehidupan mereka sekeluarga, terutama sekali dari segi pendidikan.

"Sebagai keluarga banduan, banyak sekali cabaran yang kami hadapi tetapi demi anak-anak, saya tunjukkan kepada mereka bahawa saya boleh terus bertahan."

"Biarlah apa yang berlaku kepada suami saya itu menjadi masalah antara saya dengan dia sahaja. Ia tidak harus menjejaskan anak-anak," ujar Cik Sasha, 43 tahun, seorang penolong guru untuk kanak-kanak autistik.

Suaminya dipenjarakan sejak empat tahun lalu bagi kesibahan dadah dan bakal dibebaskan tahun depan.

"Saya berharap suami saya akan berubah nanti demi kebahagiaan keluarga kami dan agar anak-anak tidak akan memandang rendah terhadapnya nanti."

\*Soya hanya mengizinkan

anak-anak saya supaya tidak mengikut jejak saya dan mendirikan keluarga yang baik. Mudah-mudahan mereka boleh memberi tumpuan pada pendidikan mereka dan membanggakan ibu bapa mereka," ujar Cik Sasha.

Jumat lalu, dua anak Cik Sasha merupakan antara 133 pelajar yang menerima dermasiswa di bawah Program Rukun Kering-Persatuan Syarikat Korporasi Persekitaran dan Perkhidmatan (Isco) 'Fairy God Parent' (FGP).

Dermasiswa itu membantu keluarga banduan dan bekas banduan dan dibelikan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi akademik yang baik dan kemajuan dalam pelajaran mereka.

Di bawah program itu, pelajar yang menerima keputusan baik bagi pengaji sekolah tahun ini menerima dermasiswa bernilai antara \$200 dengan \$500 setiap siri, mengikut peringkat pendidikan mereka.

Tahun ini, ISCOS turut melancarkan Dermasiswa Tam Ean Kiam-Dana Reben Kuning-Isco atau TEK Award bagi pelajar daripada keluarga banduan atau bekas banduan yang menerima tawarannya daripada politek-

nik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan memerlukan sokongan kewangan.

Antara penerima sebuah dermasiswa itu tahun ini ialah pelajar Politeknik Republik, Cik Nur Syafiqah Abdul Rashid, 20 tahun.

Dermasiswa itu menaja yurannya, iaitu \$1,000 bagi setiap tahun di politeknik dan sebuah komputer riba.

"Dermasiswa ini banyak mengurangkan beban ibu saya yang seorang menyara kehidupan kami sekeluarga."

"Dengan dermasiswa itu, saya boleh belajar dengan tenang tanpa perlu risau tentang kewangan," ujar Cik Nur Syafiqah, yang mengambil kursus pengurusan pelanggan.

Anak kedua dalam empat beradik itu berharap mendapat pekerjaan dengan gaji yang baik untuk membantu ibunya dan menyokong adik-adiknya.

Ayahnya, seorang bekas banduan, telah meninggal dunia 10 tahun lalu.

"Saya ingin kanak-kanak lain seperti saya tidak terpaksa diabaikan oleh orang. Yang penting, kami bekerja keras untuk menyokong diri sendiri dan memperbaiki kehidupan keluarga kami," ujar Cik Nur Syafiqah.



**DERMASISWA RINGKANKAN BEBAN:** Cik Nur Syafiqah (kiri) dan anak Cik Sasha (tengah) bersama Setiausaha Parliman (Ehwal Dalam Negeri marangkep Kesihatan), Encik Amrin Amir, selepas majlis penyempurnaan dermasiswa Isco pada 22 Disember lalu. - Foto BH oleh M.G. SALLEH

"Dermasiswa ini banyak mengurangkan beban ibu saya yang seorang menyara kehidupan kami sekeluarga. Dengan dermasiswa itu, saya boleh belajar dengan tenang tanpa perlu risau tentang kewangan."

- Cik Nur Syafiqah Abdul Rashid, 20 tahun, pelajar Politeknik Republik. Ayahnya, seorang bekas banduan, telah meninggal dunia 10 tahun lalu. Dermasiswa itu menaja yurannya, iaitu \$1,000 bagi setiap tahun di politeknik dan sebuah komputer riba.

**GOLDEN CHANCE**

**\$87,222.00**

WANG TUNAI MESTI DIMENANGI  
**CABUTAN PERDANA**  
 HANYA TINGGAL

**2**

**HARI SAHAJA**

**45 PEMENANG \$1,000.00**  
**10 PEMENANG \$2,000.00**  
**1 PEMENANG \$22,222.00**

**PUAS HATI DI GOLDEN CHANCE!**

Text:

## **Suami di penjara, wanita kuatkan semangat demi anak**

DENGAN suaminya yang berada di penjara, Cik Sasha (bukan nama sebenar) berazam menonjolkan semangat yang kuat demi empat anaknya.

Ibu empat orang anak itu tidak melihat keadaan itu menjejaskan kehidupan mereka sekeluarga, terutama sekali dari segi pendidikan.

"Sebagai keluarga banduan, banyak sekali cabaran yang kami hadapi tetapi demi anak-anak, saya tunjukkan kepada mereka bahawa saya boleh terus bertahan."

"Biarlah apa yang berlaku kepada suami saya itu menjadi masalah antara saya dengan dia sahaja. Ia tidak harus menjejaskan anak-anak," ujar Cik Sasha, 43 tahun, seorang penolong guru untuk kanak-kanak autistik.

Suaminya dipenjara sejak empat tahun lalu bagi kesalahan dadah dan bakal dibebaskan tahun depan.

"Saya berharap suami saya akan berubah nanti demi kebaikan keluarga kami dan agar anak-anak tidak akan memandang rendah terhadapnya nanti."

"Saya hanya mengingatkan anak-anak saya supaya tidak mengikut jejak saya dan mendirikan keluarga yang baik. Mudah-mudahan mereka boleh memberi tumpuan pada pendidikan mereka dan membanggakan ibu bapa mereka," ujar Cik Sasha.

Jumaat lalu, dua anak Cik Sasha merupakan antara 133 pelajar yang menerima dermasiswa di bawah Program Reben Kuning-Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos) 'Fairy God Parent' (FGP).

Dermasiswa itu membantu keluarga banduan dan bekas banduan dan diberikan kepada pelajar yang menunjukkan prestasi akademik yang baik dan kemajuan dalam pelajaran mereka.

Di bawah program itu, pelajar yang menerima keputusan baik bagi penggal sekolah tahun ini menerima dermasiswa bernilai antara \$200 dengan \$500 setiap satu, mengikut peringkat pendidikan mereka.

Tahun ini, ISCOS turut melancarkan Dermasiswa Tan Ean Kiam-Dana Reben Kuning-Iscos atau 'TEK Award' bagi pelajar daripada keluarga banduan atau bekas banduan yang menerima tawaran daripada politeknik dan Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan memerlukan sokongan kewangan.

Antara penerima sulung dermasiswa itu tahun ini ialah pelajar Politeknik Republik, Cik Nur Syafiqah Abdul Rashid, 20 tahun.

Dermasiswa itu menaja yuran tuisyennya, elaun \$1,000 bagi setiap tahun di politeknik dan sebuah komputer riba.

"Dermasiswa ini banyak mengurangkan beban ibu saya yang seorang menyara kehidupan kami sekeluarga."



"Dengan dermasiswa itu, saya boleh belajar dengan tentang tanpa perlu risau tentang kewangan," ujar Cik Nur Syafiqah, yang mengambil kursus pengurusan pelanggan.

Anak kedua dalam empat beradik itu berharap mendapat pekerjaan dengan gaji yang baik untuk membantu ibunya dan menyokong adik-adiknya.

Ayahnya, seorang bekas banduan, telah meninggal dunia 10 tahun lalu.

"Saya ingin kanak-kanak lain seperti saya tidak mempedulikan kata orang."

"Yang penting, kami bekerja keras untuk menyokong diri sendiri dan memperbaiki kehidupan keluarga kami," ujar Nur Cik Syafiqah.

Translation:

## **Husband in jail, wife stays strong for the children**

With her husband in jail, Ms Sasha (not her real name) is determined to stay strong for the sake of her four children.

The mother of four does not wish to see the lives of her children get affected, especially in terms of education.

"As the family of an offender, there are so many challenges that we have to face but I stayed strong because of the kids and showed them that I can endure.

"Whatever happened to my husband should be between my husband and I. It should not affect the children," said Ms Sasha, 43, who is an assistant teacher for autistic children.

Her husband was remanded since four years ago due to drug-related offence and will be released next year.

"I hope my husband will change for the sake of our family and that the children will not look down on him later."

"I only reminded my children not to follow my footsteps and to build a better family. Hopefully they will focus on their studies and make their parents proud," said Ms Sasha.

Last Friday, two of Ms Sasha's children were among the 133 recipients who received the ISCOS bursary award under the Yellow Ribbon Fund-ISCOS Fairy Godparent Programme (FGP).

The bursary award helps the families of current offenders and ex-offenders and is given to students who showed good academic achievement and progress in their studies.

Under this programme, students with commendable results during this year's school term receive bursary awards ranging from \$200 to \$500 each, according to their education levels.

This year, ISCOS also launched the Tan Ean Kiam-Yellow Ribbon Fund-ISCOS Bursary Award or 'TEK Award' for students from families of current offenders or ex-offenders who receive offers from local polytechnics and Institute of Technical Education (ITE) and require financial assistance.

Among the first batch of awardees this year is a Republic Polytechnic student, Ms Nur Syafiqah Abdul Rashid, 20.

The bursary award covers her tuition fees, allowance of \$1,000 per academic year in polytechnic and a laptop.

"The bursary helps in reducing my mother's burden as she is the sole breadwinner for our family."

"With the bursary, I can now study with the peace of mind without worrying about money," said Ms Nur Syafiqah, who is taking a diploma in customer experience management.

The second child of the four siblings hopes to be able to get a good paying job to help her mother and support her siblings.



Her father, an ex-offender, passed away ten years ago.

"I want other children like me to not be bothered by what others say."

"More importantly, we work hard to support ourselves and improve our family's lives," said Ms Nur Syafiqah.